

02/01/2003

PM yakin tiada perebutan jawatan nombor dua

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, soal mengenai siapa yang bakal mengambil tempat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai orang nombor dua dalam kerajaan dan parti apabila beliau mengundur diri Oktober ini akan diselesaikan secara baik.

Perdana Menteri bagaimanapun menolak kemungkinan tercetus perebutan kuasa dalam Umno apabila Abdullah mengambil alih jawatan daripadanya dalam tempoh 10 bulan mulai sekarang.

Beliau berkata, penyelesaian secara baik bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno pernah dilakukan pada zaman Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri dan kemudian apabila beliau sendiri mengambil alih pada 1981.

"Yang itu pun akan kita selesaikan secara baik. Zaman saya pun macam itu, zaman Tun Hussein pun macam itu," katanya ketika ditanya mengenai kemungkinan berlaku perebutan kuasa dalam Umno berkisar kepada pengisian jawatan nombor dua dalam kerajaan dan parti selepas Oktober nanti.

Terdahulu Perdana Menteri dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri Rumah Terbuka Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Dalam satu majlis di Putrajaya Julai tahun lalu, Dr Mahathir pernah menyebut nama Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak mengenai kemungkinan beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri ketika berucap pada perjumpaan dengan Jawatankuasa Umno bahagian Kubang Pasu di pejabatnya ketika itu antara lain dipetik sebagai berkata:

"Sebenarnya kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Abdullah) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan lagi untuk mendapat jawatan itu."

Bagaimanapun, pada sidang akhbar di Jitra beberapa hari kemudian, Dr Mahathir menjelaskan bahawa Abdullah mempunyai hak untuk memilih timbalannya apabila menjadi Perdana Menteri selepas peralihan kuasa pada Oktober 2003.

Ketika diminta mengulas kenyataan Pemangku Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam bahawa persaraan beliau Oktober nanti akan mencetuskan suatu pergolakan dan perebutan kuasa dalam Umno, Dr Mahathir berkata:

"Tak ada apalah, dia boleh ramal sebab itu harapan dia...sesuatu pemikiran yang diinginiya."

Menteri Besar Terengganu dalam perutusan Tahun Baru 2003 semalam menyifatkan Umno sebagai parti yang terus ketandusan pemimpin dan berharap permasalahan dalam parti itu tidak akan menjejaskan kestabilan negara.

Ditanya sama ada terdapat masalah dalam proses peralihan kuasa itu, Perdana Menteri berkata: "Tidak, setakat yang saya tahu."

Bagaimanapun katanya, penerimaan rakyat keseluruhannya di peringkat bawahan termasuk di dalam BN terhadap peralihan kuasa itu adalah baik.

Mengenai kemungkinan pergolakan dalam Umno akan berlaku seperti dakwaan Abdul Hadi itu bermaksud perebutan bagi jawatan Timbalan Presiden Umno, Dr Mahathir berkata: "Tak tahulah yang itu saya tak boleh nak mendalami pemikiran dia."

Katanya, perebutan kuasa dalam Umno pernah berlaku sebelum ini apabila beliau sendiri dicabar dalam pemilihan untuk jawatan Presiden Umno.

"Tetapi umumnya Umno tidak rela cabaran semacam ini dan sebarang cabaran

akan ditewas," katanya.

Dalam temu ramah dengan Arab News baru-baru ini pula, Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa beliau yakin tidak berlaku bantahan di dalam Umno apabila Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri nanti.

Akhbar itu memetik Perdana Menteri sebagai berkata bahawa segala-galanya sudah diatur dengan lancar bagi menjamin ekonomi negara akan terus kukuh apabila beliau bersara daripada politik nanti.

"Saya tidak terfikir akan berlaku sebarang bantahan. Saya berpendapat parti menerima hakikat bahawa saya mengundur diri pada Oktober 2003 dan saya akan menyerahkan jawatan kepada timbalan saya," katanya dalam temu ramah dengan Ketua Pengarang Arab News, Khaled Al-Maeena yang dilakukan di Putrajaya dan disiarkan akhbar itu baru-baru ini.